

covid-19

(30 JUN 2021) HARIAN METRO, P10, P11




ANGGOTA tentera melakukan rondaan di perkampungan setinggan di Jalan Kubur, Pantai Dalam, Kuala Lumpur yang dikenakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) bagi membendung penularan pandemik Covid-19 di lokaliti terbabit sejak 26 Jun lalu sehingga 9 Julai ini. NSTP/HAIRUL ANUAR RAHIM



WARGA emas menerima vaksin Covid-19 di pusat pemberian vaksin (PPV) Sunway Pyramid Convention Centre. - Foto AZIAH AZMEE



PETUGAS barisan hadapan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) Daerah Rompin menaiki bot untuk ke Kampung Salang pada program Vaksinasi Masyarakat Pulau Tioman, kelmarin. Petugas barisan hadapan turun hingga ke kawasan pulau dan bermalam seminggu di pulau bagi memastikan semua lapisan masyarakat menerima suntikan vaksin bagi mencegah penularan wabak Covid-19.

USAHA
BERI
VAKSIN

PEGAWAI Farmasi Hospital Daerah Kinabatangan, Sabah, Thiam Kah Kit (tengah) bersama tong penyejuk yang mengandungi vaksin Covid-19 diiringi dua anggota Esscom ketika menaiki bot pada Program Outreach Vaksin Covid-19 Pasukan Imunisasi Bergerak (MVT) di kawasan kampung sepanjang Sungai Kinabatangan, baru-baru ini. -Foto Bernama



TUKANG gunting rambut, Yahya Noh, 40, membersihkan kedai guntingnya selepas lama tidak dibuka berikutan Fasa Pertama Kawalan Pergerakan Pelan Pemulihan Negara (PPN) yang dilanjutkan bagi membendung penularan pandemik Covid-19. NSTP/HAIRUL ANUAR RAHIM



SEBAHAGIAN petugas dari Hospital Daerah Kinabatangan tiba di Kampung Sri Ganda bagi melaksanakan pemberian suntikan vaksin Covid-19 penduduk sempena Program Outreach Vaksin Covid-19 Pasukan Imunisasi Bergerak (MVT), baru-baru ini.